

# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG


KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

05 MEI 2021

RABU



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
HARIAN METRO	SINDIKET SELEWENG MINYAK MASAK RM15 JUTA DIGEMPUR	2
BERITA HARIAN	SINDIKET SELEWENG MINYAK MASAK SUBSIDI TUMPAS	3



# HARIAN METRO

HARIAN METRO - RABU 05/05/2021 M.S 3.

## Sindiket seleweng minyak masak RM15 juta digempur

**Pasir Gudang:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menumpaskan sindiket penyelewengan minyak masak bersubsidi bernilai RM15 juta dalam serbuan di sebuah kilang perindustrian di Jalan Sagai 6, Taman Pasir Putih di sini, semalam.

Timbalan Pengarah Penguat Kuasa (Operasi) KPDNHEP Putrajaya, Shamsul Nizam Khalil berkata, pihaknya yakin dapat melumpuhkan sindiket yang disyaki menyebabkan berlakunya kekurangan bekalan minyak masak di pasaran.

Menurutnya, KPDNHEP Putrajaya dibantu KPDNHEP Johor Bahru menahan ser-

mai 15 lelaki termasuk lapan warga asing iaitu Nepal dan Bangladesh berusia 25 hingga 45 tahun dalam serbuan pada jam 2 pagi.

“Siasatan awal dan risikan selama sebulan mengesyaki minyak masak bersubsidi itu diperolehi daripada beberapa kilang pembungkus minyak masak secara sah di sekitar Lembah Klang, Perak dan Kedah yang ada lesen borong sah sebelum dibawa ke kawasan perindustrian di Pasir Gudang ini.

“Sindiket ini didapati memindahkan minyak masak bersubsidi satu kilogram (kg) ke tangki dengan cara memotong plastik *polybag* dan memasukkan ke dalam mesin pengisar

yang kemudiannya akan disalurkan ke tangki berkapasiti 1,000 liter setiap satu.

“Syarikat ini beroperasi sejak enam bulan lalu, selain difahamkan dianggarkan antara 500,000 ke satu juta peket diselewengkan sebulan sepanjang tempoh itu.

“KPDNHEP mengesyaki be-


kalan minyak masak ini bagi tujuan eksport. Ini kes pertama dan terbesar tahun ini dapat dibongkar kegiatan sindiket penyelewengan minyak masak bersubsidi,” katanya.

Beliau berkata, siasatan awal mendapati terdapat 15 jenama minyak masak daripada beberapa syarikat yang terbabit dengan kegiatan itu.

Ditanya sama ada berlaku pembabit orang dalam, pihaknya memaklumkan ia masih dalam siasatan.

“KPDNHEP sudah mengenal pasti beberapa syarikat yang digunakan untuk menjalankan aktiviti membeli minyak masak dengan menggunakan lesen borong yang sah,” katanya.

“  
**Syarikat ini beroperasi sejak enam bulan lalu**  
Shamsul Nizam





# BERITA HARIAN



Shamsul Nizam (tengah) menunjukkan lokasi pemindahan minyak masak bersubsidi ke dalam tangki di sebuah kilang perindustrian di Jalan Sagai 6, Pasir Gudang, Johor. (Foto Nurul Amanina Suhaini/BH)

## Sindiket seleweng minyak masak subsidi tumpas

Nilai rampasan dianggar RM15j, 15 lelaki ditahan dalam serbuan sebuah kilang

Oleh Nurul Amanina Suhaini  
bhnews@bh.com.my

**Pasir Gudang:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menumpaskan sindiket penyelewengan minyak masak bersubsidi membabitkan nilai rampasan dianggarkan RM15 juta, dalam serbuan di sebuah kilang perindustrian di Jalan Sagai 6, Taman Pasir Putih, semalam.

Timbalan Pengarah Penguat Kuasa (Operasi) KPDNHEP P.rajaya, Shamsul Nizam Khalil, berkata berdasarkan operasi itu, pihaknya percaya melumpuhkan sindiket disyaki menyebabkan kekurangan bekalan minyak masak di pasaran.

Katanya, operasi pada jam 2 pagi itu dibantu KPDNHEP Johor Bahru yang turut menahan 15 lelaki termasuk lapan warga Nepal dan Bangladesh berusia 25 hingga 45 tahun.

"Hasil siasatan awal dan risikan selama sebulan, minyak masak bersubsidi diperolehi daripada beberapa kilang pem-

bungkus secara sah di sekitar Lembah Klang, Perak dan Kedah yang memiliki lesen borong sah, disyaki dibawa ke sebuah kawasan perindustrian di Pasir Gudang, Johor.

"Sindiket didapati menjalankan kegiatan pemindahan minyak masak bersubsidi kapasiti satu kilogram (kg) ke dalam tangki dan memasukkannya ke dalam mesin yang kemudiannya disalurkan ke dalam tangki berkapasiti 1,000 liter setiap satu.

"Anggaran jumlah paket diselawengkan antara 500,000 hingga sejuta paket sebulan sepanjang tempoh enam bulan kilang ini beroperasi.

"Harga subsidi RM2.50, mere-

**RM2.50**  
**harga**

subsidi minyak masak

**15**  
**jenama**

minyak masak digunakan sindiket

ka mungkin dapat lebih murah sebab mereka pemborong.

"KPDNHEP mengesyaki bekalan minyak masak ini bagi tujuan eksport. Ini kes pertama dan terbesar tahun ini dibongkar," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Beliau berkata, siasatan awal mendapati, kilang terbabit mengumpulkan 15 jenama minyak masak daripada beberapa syarikat untuk menjalankan sindiket mereka.

"KPDNHEP juga mengenal pasti beberapa syarikat diguna untuk membeli minyak masak menggunakan lesen borong yang sah.

"Kes disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961, jika sabit kesalahan boleh didenda sehingga RM1 juta atau penjara selama tiga tahun atau kedua-duanya bagi kesalahan pertama, manakala kesalahan kedua dan seterusnya denda tidak melebihi RM3 juta atau penjara tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya.

"Bagi pertubuhan atau perbadanan, denda dikenakan tidak melebihi RM2 juta bagi kesalahan pertama dan RM5 juta bagi kesalahan kedua dan seterusnya.

"KPDNHEP juga akan membuka satu kertas siasatan di bawah Akta Pengubahan Wang Haram (AWHRA) 2001, bagi melihat dari segi berikunya jenayah kewangan, selain syarikat pembungkusan yang terbabit," katanya.

